



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**12 Oktober 2019**

1. Doktor Ditemui rawat 200 anjing liar; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Lokal</b>	<b>Muka Surat</b> 22&23	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
<b>12 .10.2019</b>			

22 www.hmetro.com.my @hmetro @HarianMetro @hmetro

Sabtu 12.10.2019 Harian Metro

**lokal**

**SEMPIOT**

MEMBERI susu kepada anak anjing dilahirkan di tepi jalan.

MEMBERI anjing makan selepas dirawat.

DR. Muhamad Taqiyudin merawat anjing di kliniknya.

Oleh Nor'Avyiklin Mat Hayin [asyikin.mat@hmetro.com.my](mailto:asyikin.mat@hmetro.com.my)

**Kuala Lumpur**

**M**urninya hati doktor veterinar ini kerana sanggup menyelamatkan dan merawat kira-kira 200 anjing liar dengan kos sendiri meskipun tindakannya mendapat cemahan segelintir masyarakat. Bagaimanapun, cemuhan itu tidak menjadi kudis kepada dirinya dan sebaliknya lebih giat memanfaatkan kepakarannya membantu haiwan berkenaan tanpa mengambill pusing pandangan seorang orang ramai.

Dr Muhamad Taqiyudin Zainal Uham, 31, berkata, baginya anjing sama seperti haiwan lain yang perlu diberikan rawatan sekiranya sakit, mendapat perhatian dan kasih sayang.

Kata beliau, malangnya hanya kerana anjing adalah haiwan najis menyebabkan masyarakat mewujutkan stigma negatif dan jurang terhadap haiwan itu.

"Islam agama yang sudah dan indah yang seseorang itu boleh lakukan proses serta aj menyentuh najis ber-

**DOKTOR DICEMUH RAWAT 200 ANJING LIAR**

Veterinar tidak kisah jalani proses serti berulang kali sehari bagi memastikan haiwan terbiar dirawat, diberi kasih sayang



**“**Bagaimanapun, selepas pulih daripada kecederaan, anjing ini enggan meninggalkan rumah saya dan berada di bawah jagaan saya sehingga ke hari ini”

**Dr Muhamad Taqiyudin Zainal Ulum**



tu anjing. “Saya juga tidak mempunyai masalah untuk melakukan proses ini (sertu) berulang kali dalam masa sehari selepas merawat anjing,” katanya yang menetap di Klang, Selangor.

Ini kerana, menurutnya, tanggungjawab doktor veterinar ialah memberikan rawatan kepada semua haiwan termasuk anjing dan khinzir tanpa pilih kasih.

Berkongsi pembabitan awalnya membantu dan merawat anjing secara percuma, Dr Muhamad Taqiyudin berkata, ia bermula pada 2015 apabila seekor anjing yang mengalami kecederaan patah kaki datang ke rumahnya.

“Kemudian saya membawa haiwan ini ke klinik saya di Klang untuk diberikan rawatan. Sepanjang proses pemulihan, anjing ini tinggal di rumah saya di ruangan khas yang disediakan.

“Bagaimanapun, selepas pulih daripada kecederaan, anjing ini enggan meninggalkan rumah saya dan berada di bawah jagaan saya se-

hingga ke hari ini,” katanya.

Menurutnya, tidak dinafikan ada jiran yang mengegur kerana bunyi bising salakan anjing. Disebabkan itu juga bapanya yang aktif di masjid turut terkena tempas pandangan serong masyarakat.

“Saya gembira kerana ayah tidak pernah mengambil hati dengan perkara itu dan tidak menghalang saya untuk terus membantu serta merawat anjing.

“Malah, ayah turut membantu memberikan makanan kepada anjing yang dalam proses pemulihan. Lazimnya saya akan melepaskan semula anjing yang sudah pulih daripada kecederaan,” katanya.

Dr Muhamad Taqiyudin berkata, dia membantu anjing liar yang dijumpai di tepi jalan secara tidak sengaja sama ada dalam perjalanan ke tempat kerja atau pulang ke rumah.

“Setiap anjing ini saya bawa ke klinik dan memberikan rawatan termasuk mengembirakan haiwan itu,” katanya.

